

09 MAY 1996
Razaleigh-Umno (Analisis Berita)
MUNGKINKAH 11 MEI...

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Desas-desus mengenai Tengku Razaleigh Hamzah menyertai semula Umno terus kedengaran walaupun Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu beberapa kali menyatakan perkara itu sama sekali tidak timbul.

Kecenderungan terhadap kemungkinan itu semakin rancak diperkatakan menjelang sambutan ulangtahun ke-50 Umno beberapa hari sahaja lagi iaitu pada 11 Mei ini.

Umno telahpun menghantar jemputan kepada Tengku Razaleigh untuk menghadiri majlis berkenaan dan sudah pasti beliau memberikan pertimbangan mendalam terhadap perkara itu.

Spekulasi "Razaleigh masuk Umno" diperkuatkan dengan hasrat Anggota Parlimen Gua Musang itu untuk berjumpa sekali lagi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sungguhpun mereka menyatakan soal itu langsung tidak timbul dalam pertemuan pertama mereka.

Soal S46 menjadi anggota komponen Barisan Nasional (BN) juga tidak berbangkit kerana tentulah sukar bagi BN untuk mempunyai dua buah parti yang mewakili orang Melayu.

Walaupun demikian ini tidak bermakna S46 dan Umno tidak boleh bekerjasama, kata Ketua Penerangan S46 Ahmad Shabery Chik semalam.

"Bila kita bercakap mengenai agenda perpaduan Melayu, orang selalu menyebut mengenai masuk Umno," katanya.

Sedangkan, menurut Shabery, orang Melayu perlu "imajinatif" dalam merangka agenda perpaduan kerana banyak usaha yang boleh difikirkan ke arah matlamat itu.

Demi perpaduan Melayu, katanya Semangat 46 bersedia bekerjasama dengan sesiapa sahaja termasuk Umno.

"Bagaimana cara kerjasama ini dapat dilakukan, kita serahkan kepada kebijaksanaan pemimpin," katanya.

Dalam hubungan itu, kenyataan Tengku Razaleigh kepada pemberita di Kota Baharu, Kelantan semalam amat bermakna.

Ketika ditanya mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, beliau berkata: "Kita bincang mengenai perpaduan dan masa depan orang Melayu. Orang Melayu di Kelantan sudah lama berpecah".

Memandangkan hubungan S46 dan Pas dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang membentuk kerajaan Kelantan, terus bergelora dan tanda-tanda penyelesaian begitu kabur, kenyataan itu mempunyai makna tersirat.

Hubungan mereka renggang, antara lain, kerana Pas bertegas untuk meneruskan cadangan meminda perlembagaan negeri bagi memperjelaskan kuasa antara Menteri Besar dan Istana sedangkan S46 menentang langkah itu.

Pertemuan Tengku Razaleigh dengan Dr Mahathir juga dikatakan menjadi punca perbalahan apabila Pas melemparkan pelbagai kecaman yang amat menyinggung perasaan pemimpin S46.

Malahan ada laporan menyatakan bahawa terdapat kawasan Pas yang membawa usul supaya parti itu memutuskan hubungan dengan S46 dalam mesyuaratnya baru-baru ini.

Bagi pemimpin S46, tindakan seperti itu sudah pasti tidak menguntungkan hubungan yang dijalin sejak enam tahun lepas.

Apatah lagi para pemimpin Pas sendiri nampaknya "tidak kisah" jika S46 meninggalkan pakatan itu walaupun pada hakikatnya Angkatan Perpaduan Ummah tidak wujud secara rasmi.

Perjanjian untuk membentuk Angkatan itu tidak pernah ditandatangani

oleh parti-parti berkenaan sungguhpun ada usaha dibuat.

Oleh itu, tentulah bukan mustahil jika S46 yang mempunyai hubungan rapat dengan Istana di Kelantan, memilih jalan keluar daripada kerjasama dengan Pas.

Sebagai parti berasaskan semangat perjuangan Melayu, tarikh 11 Mei, juga mempunyai pengertian besar kepada S46 terutama dalam mengatur langkah ke arah perpaduan Melayu. -- BERNAMA

AZZ PR